

# Amerika pengaruhi Jepun, China

BH 27 JUL 1994

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya tentangan Amerika Syarikat terhadap penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) menjadi punca Jepun, Korea Selatan dan China memerlukan masa untuk menerima perundingan itu.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menegaskan Malaysia akan terus mengambil inisiatif bagi memberi penjelasan kepada tiga negara terbabit mengenai matlamat sebenar EAEC.

Katanya, Malaysia tidak mempunyai masalah terhadap permintaan tiga negara itu supaya diberi lebih masa membuat pertimbangan sebe-

lum menyertai EAEC yang diilhamkan oleh Malaysia.

"Kita harap ini bukanlah satu cara mengelak daripada membuat keputusan. Kita sudah banyak kali menjelaskan bahawa kita tidak berniat buruk, selain memelihara sistem dagangan bebas.

"Sekiranya ada EAEC, kita boleh mempertahankan sistem dagangan bebas supaya blok dagangan lain tidak menggunakan kekuatan mereka untuk mengurus dagangan bagi kepentingan mereka.

"Kita tidak ada niat mewujudkan satu blok perdagangan. Perkara ini sudah kita jelaskan berkali-kali...saya tidak tahu apa lagi yang perlu

saya nyatakan," katanya selepas melancarkan perayaan seabad Perkhidmatan Veterinar dan Industri Haiwan di sini, hari ini.

Pada perbincangan sempena Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM) ke-27 di Bangkok semalam, Asean dan tiga negara berkenaan bersetuju supaya perbincangan lanjut berhubung EAEC diadakan.

Jepun, Korea Selatan dan China pada umumnya memberi reaksi positif, tetapi meminta lebih masa untuk mengemukakan cadangan balas mengenai bagaimana EAEC berfungsi.

Ditanya apakah sikap tiga

LIHAT MUKA 2

# Amerika pengaruhi China, Jepun

BH 27 JUL 1994

DARI MUKA 1

negara terbabit lambat membuat keputusan kerana adanya pengaruh Amerika Syarikat, Dr Mahathir berkata: "Jelas sekali penentangan pihak Amerika menyebabkan pihak Jepun, Korea Selatan dan China tidak sanggup menerima EAEC.

"Dagangan intra-Asia sekarang ini sudah meningkat 40 peratus. Kita menjadi pasaran utama semua negara di Asia Timur ini.

"Sebab itu mereka harus memberi pandangan serius terhadap usaha menyelamatkan kepentingan negara-negara Asia Timur."

Perdana Menteri berkata, usaha mengadakan kerjasama dengan negara terbabit adalah satu langkah baik kerana ia memperkukuhkan Asean serta meningkatkan pengaruh Asean dalam membuat keputusan, terutama membabitkan kawasan Asia Timur.